



**PAUZE (tengah) bersama semua wakil universiti awam.**

# SWCorp, universiti awam adakan kerjasama lestari kampus hijau

UB 18. 8. 2018 AB

Oleh HENRY BATING

**KUALA LUMPUR:** Satu 'perkongsian pintar' telah dibincangkan dalam mesyuarat di antara Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) dengan universiti awam di negara ini termasuk Universiti Malaysia Sabah (UMS) untuk berkongsi kepakaran melestari kehijauan kampus.

Pengarah Bahagian Pendidikan Masyarakat SWCorp Dr Shukri Zain berkata, mesyuarat itu bertujuan membentuk kerjasama antara perbadanan di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan itu dengan universiti awam untuk membudayakan amalan 3R (Reduce, Reuse, Recycling).

"Kertas konsep dibentangkan untuk perbincangan bagi mendapatkan pandangan dan buah fikiran demi mewujudkan transformasi minda kelas pertama khususnya dalam konteks kelestarian kampus,"



**DR SHUKRI**

kata Shukri selepas mesyuarat itu Jumaat.

Shukri merupakan Pensyarah Kanan Fakulti Psikologi dan Pendidikan UMS yang pada ketika ini dipinjamkan perkhidmatan ke SWCorp.

Mesyuarat yang diadakan di Nexus SWCorp itu dipengerusikan Timbalan Ketua Pengarah Eksekutif (Teknikal) SWCorp Dr. Mohd Pauze Mohamad Taha yang turut dihadiri Timbalan Ketua Pengarah Eksekutif (Pengurusan) Mohammad Diah Hj. Wahari dan 21 wakil dari 18 universiti awam melibatkan UM, UiTM, USM, UKM, UPM, UTM, UIAM,

UUM, UMS, UPSI, USIM, UTEM, UMP, UPM, UMT dan UTHM.

Shukri secara khusus menyebutkan kerjasama SWCorp dengan UMS adalah berkaitan pendidikan pengkomposan, sukarelawan beserta inisiatif kampus hijau, aplikasi My mobile 'Negaraku Bersih' dan 'Upcycling Training'.

'Upcycling Training' merupakan kerjasama SWCorp dengan Pusat Eko-Kampus UMS berkaitan pembelajaran pelbagai kemahiran dan produk baharu hasil barangan kitar semula yang berpotensi mewujudkan peluang baharu dalam ekonomi.

Menurut Shukri, pertemuan itu diharapkan dapat menjadi platform memperkukuhkan lagi kolaborasi di antara SWCorp dan universiti awam untuk berkongsi kepakaran dan sumber.

SWCorp ditubuhkan 2008 bertujuan melaksana dan menguatkuasakan undang-undang Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Akta 672) serta membudayakan amalan 3R dan pengasingan sisa.